

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

91 kes
jumlah
sebenar
kematian
kelmarin

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 250 kematian akibat dijangkiti COVID-19, kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif kematian setakat ini sebanyak 24,931 kes.

Berdasarkan data dikemas kini di portal COVIDNOW setakat jam 11.59 malam kelmarin, daripada jumlah itu, angka sebenar kes kematian dilaporkan kelmarin berjumlah 91 kes.

Ini menjadikan jumlah kes kematian tertunggak atau 'backlog' setakat semalam berjumlah 159 kes.

Mengikut data untuk dua minggu terkini berdasarkan kematian per 100,000 populasi, Malaysia secara keseluruhannya dilaporkan merekodkan 5.9 peratus kes kematian.

Berdasarkan data mengikut negeri pula, Pulau Pinang paling tinggi kematian akibat COVID-19 dengan 15.6 peratus, diikuti Johor (11.2 peratus), Sabah (7.6 peratus), Perlis (6.3 peratus), Kelantan (5.9 peratus) dan Kedah 5 peratus).

Melaka dan Perak masing-masing merekodkan lima peratus kes kematian. Disusuli Sarawak dengan 3.8 peratus, Pahang (3.7 peratus), Kuala Lumpur (3.6 peratus), Terengganu (3.5 peratus), Selangor (3.2 peratus) dan Negeri Sembilan 2.6 peratus.

Dua kawasan jajahan Wilayah Persekutuan, iaitu Labuan dan Putrajaya adalah sifar peratus kes kematian.

Mengenai jumlah individu yang diarah untuk menjalani kuarantin di rumah, data COVIDNOW menunjukkan, ia membabitkan 83.7 peratus bersamaan 163,875 kes daripada keseluruhan 195,837 kes aktif.

Mereka yang menjalani kuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) berjumlah 20,786 kes bersamaan dengan 10.6 peratus. Di hospital pula, ia membabitkan 10,121 kes atau 5.2 peratus.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes harian COVID-19 mencatat sedikit penurunan apabila sejumlah 13,899 direkodkan semalam, berbanding lebih 14,000 kes kelmarin.

Katanya, ia menjadikan jumlah jangkitan yang direkodkan kepada 2,185,131 kes, sejak wabak itu mula dikesan di negara ini awal tahun lalu.

Penularan COVID-19

Orang ramai usah gusar isi borang Penilaian Kendiri

Panggilan telefon, SMS daripada petugas KKM sebahagian tugas pemantauan CAC maya

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan orang awam supaya tidak gusar jika menerima panggilan telefon atau pesanan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) meminta mereka mengisi borang Penilaian Kendiri (HAT) dalam aplikasi MySejahtera.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, panggilan telefon

dan SMS itu dilakukan petugas KKM sebagai sebahagian daripada tugas pemantauan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) maya.

"Mesej ini adalah sah. KKM sedang menghubungi kes COVID-19 melalui panggilan telefon 03-2703 3000 dan melalui SMS untuk mengingatkan mereka supaya mengisi HAT dalam MySejahtera bagi pemantauan CAC maya," katanya dalam hantaran di Facebook, semalam.

Berdasarkan tangkap layar SMS dikongsikan Dr Noor Hisham, ia tertera mesej mengkehendaki individu terbabit yang positif COVID-19 supaya menjawab status kesihatan dengan segera melalui HAT di aplikasi MySejahtera.

Selain itu, individu terbabit juga dikehendaki mengisytiharkan kontak rapat selepas disahkan positif COVID-19.

Berdasarkan penjelasan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) yang dikongsikan Dr Noor His-

KKM sedang menghubungi kes COVID-19 melalui panggilan telefon 03-2703 3000 dan melalui SMS untuk mengingatkan mereka supaya mengisi Penilaian Kendiri dalam MySejahtera bagi pemantauan CAC maya

Dr Noor Hisham
Abdullah,
Ketua
Pengarah
Kesihatan



ham menerusi Facebook miliknya semalam, beliau menegaskan sebarang panggilan menerusi nombor telefon terbabit atau melalui SMS adalah betul.

Pada Julai lalu, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Kheong dilaporkan berkata, CAC Maya dibangunkan bagi mengurangkan kes positif tidak bergejala atau bergejala ringan.

Katanya, pemantauan kes itu akan diadakan secara maya tanpa keperluan menghadiri pusat penilaian itu secara fizikal selain arahan pengawasan di rumah (HSO) digital juga diberikan melalui aplikasi MySejahtera atau lain-lain dan ia sah dari segi undang-undang.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin ketika di Dewan Rakyat pada Rabu lalu berkata, CAC maya yang diwujudkan di Lembah Klang, akan diperluaskan ke negeri lain, terutama yang merekodkan kes COVID-19 tinggi.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Syor beli kit ujian sendiri di farmasi

Orang ramai boleh dapat nasihat penggunaan berbanding pesan dalam talian

Oleh Fahmy A Rosli dan Zatul Ifrah Zolkiply
fahmy.azri@bh.com.my

Kuala Lumpur: Orang ramai disarankan membeli kit ujian sendiri COVID-19 di farmasi berbanding menerusi dalam talian.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata ahli farmasi berupaya mendidik orang ramai kaedah penggunaan, penyimpanan dan pelupusan kit itu.

Beliau berkata, ahli farmasi juga boleh memberikan nasihat dan kaunseling sebaik keputusan ujian diperoleh, malah boleh menjelaskan kepada pembeli perbezaan antara jenama kit.

"Ketika kita di landasan untuk bersiap sedia hidup dengan virus, mari kita terus belajar antara satu sama lain, bekerjasama dan membimbing rakyat Malaysia ke fasa endemik.

"Kit ujian saringan sendiri adalah perkara mustahak yang perlu sama pembabitan komuniti farmasi.

"Bersama dengan fasiliti penjagaan kesihatan lain, farmasi

adalah saluran sewajarnya untuk membeli kit ujian sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pelancaran webinar bertajuk *Reinvent Pharmacy Biz: Adapt Beyond the Crisis*, bersempena sambutan Hari Ahli Farmasi Sedunia 2021, semalam.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan orang ramai tidak membeli kit ujian RTK-ab dan RTK-ag dalam talian serta menerusi media sosial untuk kegunaan sendiri.

Dalam ucapannya Khairy turut menyentuh peranan komuniti ahli farmasi yang dianggap mustahak dalam bersama kerajaan memerangi COVID-19.

Ahli Parlimen Rembau itu berkata, golongan berkenaan adalah titik utama aspek penjagaan dan 'penjaga pintu' sistem penjagaan kesihatan negara.

"Antara petunjuk prestasi utama (KPI) Kementerian Kesihatan dalam tempoh 100 hari adalah memberi fokus terhadap persediaan rakyat Malaysia untuk beralih ke fasa endemik.

"Kuncinya adalah perlu libat urus dengan pemegang taruh dan bekerja bersama-sama dengan komuniti ahli farmasi.

"Anda berada di barisan hadapan apabila doktor dan hospital

sebagai petugas barisan hadapan sistem penjagaan kesihatan terlalu terbeban.

"Jadi, yang seterusnya mesti melangkah masuk dengan terabit sama tidak lain adalah komuniti ahli farmasi."

"Kita boleh bekerja bersama-sama dalam bidang seperti ubat pencegahan dan mendidik orang awam bukan hanya mengenai penyakit, tetapi juga kesejahteraan," katanya.

Sementara itu, di **Hulu Terengganu**, Timbalan Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata kit ujian sendiri akan dijual dengan harga lebih rendah dan mampu milik, selain mudah dibeli apabila pasaran diperluaskan ke premis perniagaan lain seperti pasar raya dan kedai serbaneka, dijangka akhir bulan ini.

Beliau berkata, harga baharu akan diumumkan dalam masa terdekat sebelum sesi persekolahan bermula pada 3 Oktober depan bagi memudahkan ibu bapa membeli kit ujian itu.

"Kita sudah mengadakan perbincangan dengan pemain industri serta farmasi dan kita nampak hasil positif apabila mereka bersetuju untuk menurunkan harga ke paras lebih rendah,"

katanya.



Khairy Jamaluddin

Pengeluaran vaksin pertama negara tiga tahun lagi

Seremban: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menjangkakan pengeluaran vaksin COVID-19 pertama di negara ini dapat dilakukan seawal tiga tahun lagi.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata usaha itu sudah bermula menerusi penggunaan teknologi *messenger ribonucleic acid* (mRNA) yang dibangunkan dengan kerjasama tenaga pakar dalam dan luar negara.

Katanya, selain membangunkan vaksin sendiri, MOSTI juga berkeupayaan untuk membangunkan Pusat Vaksin Kebangsaan (NVC).

"Usaha mengumpulkan data masih dilakukan dan pengeluaran vaksin menjadi keutamaan selepas tidak pernah menjangkakan COVID-19 begitu pantas merebak sehingga menjadi pandemik.

"Bagaimanapun, kita harus memahami bahawa untuk mengeluarkan sesuatu vaksin memerlukan masa dan kita menggunakan pelbagai kaedah terkini bagi membangunkan vaksin COVID-19.

"Ketika ini saintis kita sedang bekerja keras di Institut Kajian Perubatan (IMR) dan ia masih pada peringkat pembinaan pengklonan genetik.

"Jangkaan kita vaksin dapat dihasilkan antara tiga hingga lima tahun," katanya pada sidang media selepas melawat Ruang Reka (Hab Reka Cipta, Teknologi dan Inovasi) di Taman Rasa Sayang, Paroi, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya tidak hanya menumpukan penghasilan vaksin COVID-19 semata-mata,

tetapi juga vaksin lain.

"Kita tidak tahu jenis wabak yang datang pada masa hadapan dan penting untuk kita buat persiapan dari segi fasiliti bagi mengeluarkan sendiri," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, MOSTI menasihatkan 5,000 peluang pekerjaan menerusi pelbagai program dan inisiatif yang akan dilaksanakan tahun hadapan.

Beliau berkata 4,145 individu dalam bidang *deep tech* (*deep technology*) dan berkaitan mendapat pekerjaan melalui inisiatif itu bermula awal Januari hingga 31 Ogos lalu.

Deep tech adalah teknologi berasaskan inovasi kejuruteraan ketara atau penemuan saintifik.

"Sasaran 4,700 peluang pekerjaan menerusi inisiatif berkenaan dijangka dapat dicapai sebelum akhir tahun ini dan kita jangkakan lebih 5,000 peluang pekerjaan baharu dapat diwujudkan tahun depan.

"Kita menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkenaan pelaksanaan Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional.

"Ta dapat memperkasa tenaga kerja Malaysia supaya lebih berdaya tahan, berkemahiran tinggi dan tersohor di peringkat antarabangsa," katanya.

Dr Adham berkata, sebagai ahli tetap Majlis Pekerjaan Negara (NEC), MOSTI memberi tumpuan kepada kluster *Deeptech* and *Future Skills* atau skil asas yang memainkan peranan penting untuk memacu pertumbuhan sektor baharu dan moden.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA



DR. ADHAM (depan, tengah) bergambar ketika melawat Ruang Reka, Taman Rasa Sayang di Senawang, Seremban semalam. - MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

Malaysia bakal cipta pelbagai vaksin

Oleh ZAKKINA WATI
 AHMAD TARMIZI

SEREMBAN - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menjangkakan Malaysia dapat menghasilkan pelbagai vaksin sendiri termasuk pelalian Covid-19 yang pertama dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, penghasilan vaksin itu sangat penting terutama untuk negara ini mencegah wabak Covid-19 daripada terus menular pada masa depan.

"Ia dalam proses mengumpulkan data dan akan menjadi keutamaan kementerian. Kami telah berusaha mendapatkan kolaborasi dengan beberapa syarikat dari luar negara untuk membina fasiliti untuk tujuan tersebut.

"Kami juga mempunyai kemampuan untuk membangunkan Pusat Institut Vaksin Kebangsaan dan ia memerlukan masa dan sedang dibangunkan.

"Kini, kita bukan sahaja bercakap tentang vaksin Covid-19, namun sedang juga memba-

COVID-19	
Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam	
	Jumlah
Kes baharu	13,899
Impor	6
Tempatan	13,893
Pulih	18,074
Jumlah kes sembuh	1,968,541
Jumlah Kematian	24,931
Jumlah kes keseluruhan	2,185,131

ngunkan vaksin lain yang boleh melindungi masyarakat kerana tidak tahu apa lagi jenis wabak yang akan datang dan jenis keupayaan membina vaksin ada dalam negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Ruang Reka (Hab Reka Cipta, Teknologi dan Inovasi), Taman Rasa Sayang,

Senawang, di sini semalam.

Tambah Dr. Adham, setiap vaksin yang dibangunkan nanti perlu memenuhi syarat diperlukan Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

"NPRA juga akan membantu merancang keperluan dalam pelbagai platform dalam tempoh tiga hingga lima tahun lagi," katanya.

Sementara itu, dalam lawatan tersebut, beliau turut menyaksikan program Ruang Reka yang merupakan salah satu inisiatif pembangunan usahawan inovasi bagi menggalakkan penglibatan lebih ramai individu dalam kalangan kategori B40 dan golongan berpendapatan sederhana.

"Saya berharap masyarakat dapat menggunakan Ruang Reka ini secara maksimum dalam membudayakan kreativiti serta inovasi di peringkat akar umbi.

"Sehingga kini, sebanyak dua projek rintis Ruang Reka iaitu di Taman Rasa Sayang, Senawang, manakala satu lagi di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran di Kuala Terengganu, Terengganu," katanya.

Jumlah kematian hampir 25,000 kes

PUTRAJAYA - Negara merekodkan 250 kes kematian Covid-19 setakat kelmarin termasuk 91 kes kematian sebenar bagi tempoh purata tujuh hari, menurut data di laman web COVIDNOW.

Maklumat yang dikemas kini pukul 11.59 malam kelmarin memaklumkan, angka tersebut menjadikan jumlah kes kematian Covid-19 negara menghampiri angka 25,000 iaitu sebanyak 24,931 kes.

"Terdapat 49 kes kematian di luar hospital atau brought-in-dead (BID) dengan jumlah kumulatif kes BID sebanyak 4,887 kes," menurut data tersebut.

Negeri yang mencatatkan kematian melibatkan Selangor (65), Sabah (43), Johor (41), Pulau Pinang (20), Kelantan (14), Perak (14), Sarawak (16), Pahang (9) dan Kedah (6).

Terengganu dan Kuala Lumpur pula mencatatkan enam kematian, Negeri Sembilan (4), Melaka (3) dan Perlis (3) serta tiada kes dilaporkan di Labuan dan Putrajaya.

Terdapat 195,837 kes aktif terdiri daripada 163,875 kes di kuarantin di rumah, 20,786 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 10,121 kes di hospital, 460 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 595 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.

Sementara itu, kes harian merekodkan angka di bawah 14,000 dengan 13,899 kes semalam, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 2,185,131 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sarawak mencatatkan sebanyak 2,712 kes, diikuti oleh Selangor sebanyak 2,341 dan Johor sebanyak 1,377 kes.

"Kelantan (1,170 kes), Perak (1,128 kes), Pulau Pinang (1,060 kes), Sabah (962 kes), Pahang (779 kes), Terengganu (760 kes), Kedah (708 kes), Melaka (339 kes), Kuala Lumpur (310 kes) dan Negeri Sembilan (194 kes).

"Putrajaya (37 kes), Perlis (17 kes) dan Labuan (lima kes)," ciap beliau di Twitter semalam.



PETUGAS kesihatan mencucuk vaksin Jenis CanSino kepada penduduk Orang Asli suku Semaq Beri di Perkampungan Orang Asli Sungai Berua, Kuala Berang semalam. - PUQTRA HAIRRY

323,000 penerima dos penggalak di Terengganu dikenal pasti

HULU TERENGGANU - Seramai 323,000 rakyat Terengganu telah dikenal pasti sebagai penerima dos penggalak vaksin Covid-19.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Dr. Kasemani Embong berkata, ia merangkumi 31,000 petugas barisan hadapan, warga emas (104,000) dan golongan komorbiditi (188,000).

"Mereka dijangka menerima dos ketiga atau penggalak tersebut di klinik kesihatan atau hospital berhampiran.

"Ia disebabkan semua pusat pemberian awam dan integrasi di negeri ini akan ditutup sepenuhnya pada 15 Oktober depan," katanya ketika memantau program suntikan vaksin Covid-19

melibatkan masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Berua, di sini semalam.

Dr. Kasemani memberitahu, program pemberian dos penggalak itu akan bermula setelah pihaknya menerima arahan pelaksanaan di peringkat negeri oleh Kementerian Kesihatan.

Tambahnya, secara dasar-

nya, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu tidak mempunyai masalah untuk melaksanakan program terbaharu tersebut kerana bekalan vaksin adalah mencukupi.

Kosmo! melaporkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, garis panduan berhubung proses agihan dos

ketiga atau dos penggalak vaksin Covid-19 bakal dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin Covid-19 (JKJAV) minggu depan.

Menurut beliau, pada waktu ini, panel pakar perubatan dan kesihatan sedang membangunkan garis panduan pelaksanaan pemberian dos itu.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Seramai 681,853 remaja telah terima suntikan vaksin

Oleh WAT KAMAL ABAS

BAGAN SERAI – Sebanyak 681,853 pelajar telah mendapat suntikan dos pertama sejak 20 September sehingga kelmarin, manakala 108,935 sudah lengkap dos kedua.

Mengikut peratusan pula, sebanyak 26.9 peratus bagi dos pertama, Sabah (65.3 peratus dos pertama dan 7.2 peratus dos kedua), manakala Sarawak (37.7 peratus dos pertama, 6.9 peratus dos kedua).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) menasarkankan 60 peratus pelajar divaksin sehingga November dan 80 peratus pelajar menerima suntikan sebelum akhir Disember.

"Wilayah Persekutuan Labuan tertinggi iaitu 76.7 peratus dos pertama dan 6.4 peratus dos kedua, Sabah (65.3 peratus dos pertama dan 7.2 peratus dos kedua), manakala Sarawak (37.7 peratus dos pertama, 6.9 peratus dos kedua).

"Di Perak dengan jumlah pelajar seramai 203,152, yang telah menerima suntikan dos pertama seramai 53,770 orang dan 7,633 telah lengkap dua dos," ujarnya selepas meninjau program vaksinasi di Sekolah Menengah Abu Bakar Al-Baqir (Sabar) di sini semalam.



DR. NOOR AZMI (kanan) menyuntik vaksin Pfizer kepada seorang pelajar, **Muhammad Nur Iman Hishamuddin di Sekolah Menengah Abu Bakar Al-Baqir, Bagan Serai semalam.**

Dalam pada itu, katanya, ibu bapa tidak perlu bimbang dengan kesan sampingan suntikan vaksin terhadap anak-anak mereka menerusi program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Remaja yang sedang dijalankan.

Katanya, setakat ini vaksin jenis Pfizer yang diberikan kepada remaja tidak mempunyai kesan sampingan besar, malah tiada laporan kesan seperti itu berlaku.

"Ada ibu bapa bimbang sekiranya berlaku kesan sampingan seperti radang pada otot jantung dan radang selaput jantung.

"Perkara itu berlaku di luar negara dan hasil kajian ke atas golongan muda yang terkena radang otot jantung dan radang selaput luar jantung, peratusannya juga sangat rendah.

"Risiko suntikan vaksin terhadap perkara yang dibimbangkan itu amat rendah kebarangkaliannya malah vaksin jauh lebih baik daripada terkena Covid-19," ujarnya.

Pesakit kuarantin di rumah punca kes melonjak di Perlis

KANGAR – Peningkatan kes jangkitan Covid-19 di Perlis sejak kebelakangan ini didorong oleh jangkitan antara ahli keluarga melibatkan individu positif yang dikuarantin di rumah.

Pengerusi Badan Bertindak Covid-19 Kebangsaan (CITF) negeri, Azman Mohd. Yusof berkata, individu yang didapati positif bagi kategori satu dan dua tersebut dikuarantin di rumah berbanding di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) seperti sebelum ini.

"Oleh itu seluruh keluarga mungkin akan berjangkit, namun mereka berada dalam keadaan yang terkawal kerana seluruh keluarga turut dikuarantin bersama.

"Walaupun jumlah kes tinggi iaitu tiga angka Khamis lalu, namun kebanyakannya adalah daripada kategori satu dan dua sahaja," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, Azman berkata, penggunaan katil di Hospital Tuanku Fauziah (HTF), di sini ketika ini pada tahap 73.7 peratus, manakala penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU)



Walaupun jumlah kes tinggi iaitu tiga angka Khamis lalu, namun kebanyakannya adalah daripada kategori satu dan dua sahaja."

untuk pesakit Covid-19 pula adalah 68.4 peratus.

"Usaha kita kini adalah untuk mempertingkatkan vaksinasi dalam kalangan penduduk. Penduduk negeri ini masih ramai yang belum vaksin yang menyebabkan kita sukar untuk mencapai 90 peratus penduduk divaksin.

"Sekarang baru 61.9 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi yang sudah divaksin. Jika tidak capai 90 peratus, kita mungkin tidak akan mendapat manfaat dijanjikan kerajaan Pusat," ujarnya.

Khamis lalu Perlis mencatatkan 113 kes jangkitan baharu, manakala kelmarin sebanyak 65 kes dan semalam 17 kes baharu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

KKM hargai ahli farmasi didik rakyat

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) menghargai peranan besar dimainkan ahli farmasi di seluruh negara terutama mendepani cabaran wabak Covid-19 dengan pelbagai varian baharu.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ketika ini tugas mereka diperlukan dalam usaha mengajar masyarakat mengenai penggunaan sepatutnya kit ujian sendiri di pasaran.

"Anda boleh didik orang awam cara betul penggunaan, penyimpanan dan pelupusan produk ini," katanya ketika berucap merasmikan webinar Persatuan Farmasi Komuniti Malaysia (MCPG) semalam.

Webinar tersebut mengangakat tema *Penciptaan Semula Bisnes Farmasi: Penyesuaian Melangkaui Krisis* bersempena dengan Hari Farmasi Sedunia diraikan setiap 25 September.

Ia selaras tarikh penubuhan Persekutuan Farmaseutikal Antarabangsa di The Hague, Belanda pada 1912 lalu dan diperakui ketika kongres badan berkenaan di Istanbul, Turki

pada 2009.

Di Malaysia pula, Persatuan Farmasi Malaysia menganggarkan terdapat 19,792 ahli farmasi yang berdaftar dengan sekitar 3,000 buah farmasi komuniti seluruh negara tahun lalu.

Mengulas lanjut, Khairy Jamaluddin berkata, penggunaan kit saringan sendiri itu ketika ini menjadi tugas penting ahli farmasi bagi membimbing rakyat agar tahu status kesihatan semasa.

"Anda juga boleh menyedialkan tugas susulan dan sesi kaunseling sejurus keputusan ujian itu diketahui selain menasihatkan pengguna mengenai perbezaan antara jenama," tambahnya.

Pada masa sama, KKM ujan-nya, menyambut baik penglibatan MCPG dalam usaha menambah baik sistem penjagaan kesihatan awam dan komited menaik taraf hidup rakyat.

Khairy Jamaluddin juga menyifatkan ahli farmasi komuniti setaraf petugas barisan hadapan apabila berganding dengan pihak hospital yang terbeban teruk ketika merawat pesakit.



KKM menghargai tanggungjawab yang dimainkan ahli farmasi di seluruh negara terutama semasa mendepani cabaran pandemik Covid-19. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Jangkitan Covid-19 boleh melonjak semasa endemik

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
 utusannews@mediamula.com.my

KOTA KINABALU: Peningkatan kes Covid-19 secara bermusim mungkin berlaku apabila negara beralih kepada fasa endemik dalam masa terdekat ini.


Pakar Penyakit Berjangkit Hospital Gleneagles, Dr. Timothy William berkata, peningkatan kes berkala ini mungkin berlaku pada musim perayaan atau pesta tertentu kerana orang ramai akan berkumpul dalam satu kawasan.

Beliau berkata, jangkitan akan sentiasa ada dalam komuniti kerana virus Covid-19 tidak akan berhenti menjangkiti manusia bagi satu tempoh yang lama.

"Tiada siapa boleh menjangka sampai bila rakyat terpaksa hidup bersama virus Covid-19.

"Sukar menentukan tempoh jangkitan virus ini berakhir kerana ramalan yang dibuat sebelum ini pun banyak yang tersasar dan tidak tepat," katanya kepada *Mingguan Malaysia* hari ini.

Justeru, jika ingin mengurangkan angka jangkitan,



SEBAHAGIAN warga kota meluangkan masa beriadah di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/AMIR KHALID

kerajaan perlu mengambil langkah memperbaiki sistem pengudaraan dalam bangunan, memastikan tempat kerja selamat dan menetapkan peraturan bagi kebenaran makan di restoran ke-

tika negara beralih kepada fasa endemik.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Kanan dan Ketua Unit Kesihatan Awam, Universiti Malaysia Sabah (UMS),

Datuk Dr. Mohd. Yusof Ibrahim berkata, endemik itu sendirinya membawa makna rakyat akan hidup seperti sedia kala dengan kehadiran virus di sekeliling.

Walaupun bagaimanapun, jangkitan yang dialami tidak akan berada pada tahap membimbangkan, sama seperti penyakit influenza.

Beliau menjangka, kes positif Covid-19 di negara ini akan kembali menurun apabila 80 peratus penduduk telah divaksin.

Situasi sama boleh dilihat di negara jiran, Indonesia yang kini mencatatkan trend penurunan kes yang begitu ketara apabila proses vaksinasi mencapai 80 peratus.

Pada 9 September lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memaklumkan, Malaysia dijangka beralih kepada fasa endemik Covid-19 pada akhir Oktober iaitu apabila 80 peratus populasi dewasa di negara ini menerima vaksin lengkap.

Katanya, perubahan fasa senario Covid-19 itu berikutan mustahil untuk mencapai sifar kes baharu.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Komuniti farmasi nadi jayakan PICK - Khairy

SHAH ALAM - Komuniti farmasi merupakan nadi penting dalam membantu Program Immunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dan PICK Remaja dengan penilaian ke atas vaksin sehingga kepada pemantauan dan pelaporan *Adverse Events Following Immunization* (AEFI).

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, peranan farmasi juga dilihat dalam pembekalan kelengkapan perlindungan diri seperti pelitup muka, sanitasi tangan, kit ujian sendiri dan lain-lain peralatan bagi mencegah Covid-19.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu memastikan sistem kesihatan sedia ada terus ditambah baik termasuk menerusi kerjasama dengan sektor swasta bagi memastikan masyarakat mempunyai akses berterusan kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan mampu diperolehi.

"Saya berharap perkhidmatan farmasi terus berkembang maju demi meningkatkan taraf kesihatan dan kesejahteraan



KHAIRY

rakyat," katanya dalam ucapan perasmian Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2021 Peringkat Program Perkhidmatan Farmasi secara dalam talian pada Jumaat.

Hari Farmasi Sedunia disambut pada 25 September setiap tahun bagi menghargai sumbangan dan jasa semua ahli farmasi termasuk sektor awam serta swasta.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, kerjaya farmasi berkembang pesat sama ada dalam sektor awam dan swasta menerusi sektor penjagaan kesihatan, perubatan tradisional, akademik serta penyelidikan.

"Dalam hal ini sebagai tulang belakang kepada

KKM perlu memastikan sistem kesihatan sedia ada terus ditambah baik termasuk menerusi kerjasama dengan sektor swasta."

sistem kesihatan Malaysia, KKM melalui pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, jururawat dan pegawai-pegawai farmasi memainkan peranan paling ke hadapan bagi memastikan pandemik Covid-19 dapat dikawal dan tahap kesihatan awam serta rakyat terus dipelihara.

"Selari dengan tema Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2021 iaitu 'Pharmacy: Always Trusted for Your Health', ahli farmasi membuktikan bahawa mereka adalah pakar dan sumber rujukan bagi maklumat ubat-ubatan bukan sahaja kepada pesakit malah kepada pasukan profesional penjagaan kesihatan yang lain," kata beliau.

AKHBAR : SINAR AHAD
 MUKA SURAT : 13
 RUANGAN : NASIONAL

Muktamad rentas negeri 3 minggu lagi

Jangka kebenaran diberikan selepas 90 peratus populasi dewasa lengkap divaksin

JOHOR BAHRU

Kebenaran untuk rentas negeri dijangka dapat dimuktamadkan dalam tempoh tiga minggu lagi selepas negara mencapai kadar 90 peratus populasi dewasa yang lengkap suntikan vaksin Covid-19.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, berikutan itu, beberapa langkah untuk menyoerakan vaksinasi populasi dewasa akan diambil dalam masa terdekat.

Beliau berkata, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diarah meningkatkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi memastikan orang ramai menerima vaksin lengkap sekali gus mencapai sasaran 90 peratus dalam tempoh itu.

Katanya, antara tindakan segera yang akan dilaksanakan oleh ATM ialah mengatur gerak lebih banyak Pasukan

Vaksinasi Perubatan Medan (CMVT) di kawasan pedalaman selain memperluas program vaksinasi pandu lalu yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan kepada orang awam.

"Insya-ALLAH kebenaran rentas negeri yang ditunggu-tunggu ramai akan diumumkan dalam masa terdekat. Apa perancangan yang kita lakukan bersama KKM itu, kita harap dapat dijayakan dalam tempoh tiga minggu ini.

"Jadi sebelum ia diumumkan, banyak perkara yang perlu difikirkan dari segi prosedur operasi standard (SOP) serta tanggungjawab agensi dalam melaksanakan pemantauan.

"SOP rentas negeri kita akan umumkan sebelum pengumuman kebenaran rentas negeri dibuat dan ia akan diperinci dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pandemik yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob minggu depan," katanya selepas meninjau pusat pemberian vaksin pandu lalu di Batalion ke-6 Rejimen



HISHAMMUDDIN

Renjer Diraja Kem Ulu Tiram di sini pada Sabtu.

Pada Jumaat, Perdana Menteri dilapor telah membayangkan kebenaran untuk rentas negeri akan dapat diberikan dalam tempoh beberapa minggu lagi dan berkata, setakat 22 September, sebanyak 81 peratus populasi dewasa telah melengkapkan suntikan vaksin Covid-19.

Mengulas lanjut, Hishammuddin berkata, disiplin orang ramai akan menjadi elemen paling penting apabila rentas negeri dibenarkan kerana adalah mustahil untuk kerajaan memantau dan melaksanakan SOP bagi menjaga setiap rakyat yang diberi kebenaran merentas negeri.

"Sebab itu disiplin orang ramai amat penting apabila menikmati kelonggaran yang bakal diumumkan.

Kita harapkan mereka sentiasa patuh kepada SOP yang akan ditentukan nanti," katanya. - Bernama

Kes harian Covid-19 kembali turun

SHAH ALAM - Kes baharu Covid-19 kembali menurun kepada 13,899 berbanding 14,554 kes pada Jumaat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi Facebook beliau pada Sabtu memaklumkan perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif kes kini 2,185,131 kes.

Beliau berkata, Sarawak merekodkan kes harian tertinggi iaitu 2,712 kes diikuti Selangor (2,341), Johor (1,377), Kelantan (1,170), Perak (1,128) dan Pulau Pinang (1,060).

Menurut beliau, negeri yang mencatatkan tiga angka bagi kes Covid-19 pula ialah Sabah dengan 962 kes, Pahang (779), Terengganu (760), Kedah (708), Melaka (339), Kuala Lumpur (310) dan Negeri Sembilan (194).

"Selain itu, Putrajaya mencatatkan 37 kes manakala Perlis (17) dan Labuan (5)," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memberitahu, penggunaan katil bukan unit rawatan rapi (ICU) Covid-19 di seluruh negara setakat jam 5 petang Jumaat berada pada kadar 60 peratus dengan Kelantan merekodkan penggunaan tertinggi iaitu 95



DR NOOR HISHAM

peratus diikuti Sarawak (79 peratus) dan Perlis (76 peratus).

Bagi katil ICU pula, beliau memaklumkan, kadar penggunaannya sebanyak 70 peratus dengan Pulau Pinang memiliki penggunaan tertinggi iaitu 96 peratus,

disusuli Sarawak (92 peratus), Selangor (84 peratus), Perak (83 peratus) dan Kelantan (79 peratus).

Beliau turut berkongsi kadar vaksinasi lengkap Covid-19 rakyat Malaysia setakat Jumaat mencecah 59.2 peratus dengan individu yang baharu menerima satu dos vaksin sebanyak 69.2 peratus.

Menurut beliau, Lembah Klang yang merangkumi Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mempunyai kadar vaksinasi dewasa tertinggi iaitu 108.7 peratus, diikuti Labuan (98.2 peratus), Negeri Sembilan (96 peratus), Sarawak (89.3 peratus), Perlis (88 peratus) dan Melaka (83.8 peratus).

Katanya, di Terengganu pula kadar vaksinasi dewasa mencatatkan (81.5 peratus), Pulau Pinang (78.2 peratus), Johor (75.3 peratus), Kedah (67 peratus), Pahang (66.6 peratus), Perak (66.3 peratus), Kelantan (64.4 peratus) dan Sabah (57.8 peratus).

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

AKHBAR : SINAR AHAD
 MUKA SURAT : 29
 RUANGAN : NASIONAL

Pesakit pertama di hospital medan HPP

Pesakit Covid-19 itu berusia 60 tahun dan kini memasuki peringkat empat

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Sorang lelaki berusia 60 tahun adalah pesakit Covid-19 pertama yang dipindahkan ke Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Pulau Pinang bagi mendapat rawatan lanjut.

Pegawai Memerintah Batalion Kedua Perubatan, Letenan Kolonel Dr Mohd Zamri Derahman berkata, hospital medan di Hospital Pulau Pinang (HPP) itu mula beroperasi sepenuhnya pada jam 9 malam Jumaat.

Menurutnya, operasi hospital medan itu berjalan lancar seperti ditetapkan yang mana kemasukan pesakit akan dibuat secara berperingkat.

"Pesakit pertama yang ditempatkan di situ berusia 60 tahun dan dia adalah pesakit pe-



Pesakit pertama ditolak masuk ke hospital medan di HPP pada jam 9 malam Jumaat.

ringkat empat.

"Jumlah pesakit untuk dimasukkan ke hospital medan ini akan ditentukan oleh pihak HPP dan akan diadakan secara berperingkat," katanya ketika dihubungi pada Sabtu.

Pada Khamis, hospital medan yang dibina oleh ATM bagi fasiliti tambahan perawatan pesakit Covid-19 di HPP telah memulakan sesi *dry run*.

Sebelum itu, kerja pembinaan telah bermula pada jam 9.30 pagi pada Khamis minggu lalu di tapak letak kereta HPP di Jalan

Residensi di sini dengan keluasan 2,300 meter persegi.

Dr Zamri berkata, sebanyak 100 katil yang dilengkapi sumber oksigen ditempatkan di hospital tersebut iaitu empat buah untuk unit rawatan rapi (ICU) dan baki-

nya untuk pesakit tahap empat.

"Kita menggunakan empat pegawai dan 50 anggota untuk membina hospital medan merangkumi 23 buah khemah di sini. Bagi pengoperasian pula, ia melibatkan 309 petugas KKM, dua pegawai serta 22 anggota ATM.



Sebanyak 100 katil dilengkapi kemudahan oksigen ditempatkan di hospital medan HPP.

"ATM akan terlibat dengan kerja-kerja teknikal, keselamatan, pentadbiran dan perawatan di hospital medan. Hospital ini adalah khas untuk pesakit Covid-19 peringkat empat dan lima," katanya.

Hospital medan di HPP ini adalah yang kesembilan dibina oleh ATM yang mana sebelum ini dibina di Hospital Kepala Batas di Pulau Pinang, Hospital Sultanah Aminah di Johor, Labuan dan Tawau.

Dua minggu lalu, Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM) telah meluluskan pembukaan wad ICU hospital medan di HPP bagi menampung jumlah pesakit Covid-19 di negeri ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, lebih 100 buah katil tambahan dengan kemudahan oksigen akan dibekalkan di hospital itu untuk menampung pesakit yang akan ditempatkan di situ nanti.

Hospital medan di HPP merupakan hospital medan ATM yang kedua di negeri ini selepas ia dibuka di Hospital Kepala Batas pada Mei lalu.

AKHBAR : SINAR AHAD
 MUKA SURAT : 30
 RUANGAN : NASIONAL

Ancaman Covid-19 terhadap remaja



DARI
 AKHBAR
 CINA

ONG BOON TECK

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Remaja yang dimulakan secara rasmi pada Isnin, lalu menyasarkan pembabitkan 3.2 juta remaja berusia 12 hingga 17 tahun di negara ini.

Pelaksanaan PICK Remaja dilakukan melalui beberapa kaedah antaranya secara jangkau luar (outreach) ke sekolah atau institusi secara berjadual, suntikan di klinik kesihatan dan hospital serta kaedah jumpa terus (walk-in) di pusat pemberian vaksin (PPV) terpilih di seluruh negara.

SinChew Daily melalui ruangan Lidah Pengarangnya menegaskan betapa perlunya

program vaksinasi dijalankan ke atas golongan remaja dalam kadar tempoh yang segera.

"Ini berdasarkan statistik peningkatan jangkitan Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia 0 hingga 18 tahun di negara ini adalah membimbangkan.

"Daripada 12,620 kes pada 2020, ia telah meningkat kepada 400,668 kes setakat 16 September lalu. Daripada jumlah tersebut, 256,569 kes adalah melibatkan murid sekolah dan 42,381 kanak-kanak prasekolah," tulis akhbar itu.

Malahan apa yang lebih membimbangkan, sebanyak 67 kematian akibat Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak dan remaja telah dilaporkan sepanjang Januari tahun ini sehingga Isnin lalu.

Jumlah berkenaan meningkat dengan ketara berbanding hanya enam kematian dalam kalangan kanak-kanak dilaporkan pada tahun lalu.

Beberapa negara sudah memulakan langkah memvaksin kanak-kanak dengan Kanada menjadi negara pertama di dunia membenarkan penggunaan vaksin Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech terhadap golongan itu yang berusia 12 hingga 15 tahun.

Ulas akhbar itu, sejak pandemik Covid-19 mula menular di Malaysia, kerajaan telah melakukan pelbagai langkah pencegahan demi keselamatan dan kesihatan rakyat jelata, termasuk di kalangan remaja dan kanak-kanak.

"Antaranya ialah menutup sekolah dan mengadakan sesi pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR) sebagai langkah untuk murid-murid meneruskan pembelajaran.

"Begitu juga dengan kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak, taman didikan kanak-kanak dan pusat tuisyen. Semuanya diarah tutup sehingga kerajaan bersetuju

membenarkan ia dibuka semula.

"Selain itu, kerajaan juga sentiasa meminta ibu bapa agar tidak membawa anak-anak kecil mereka ke kawasan tumpuan ramai seperti pusat membeli-belah," kata akhbar itu lagi.

Selepas hampir lapan bulan pelaksanaan PICK, Malaysia mencatat sejarah apabila mencapai imuniti kelompok dengan 80 peratus penduduk dewasa lengkap divaksin Selasa lalu.

Selepas berjaya mencapai sasaran imuniti terhadap golongan dewasa, Kementerian Kesihatan kini menghadapi satu lagi cabaran baharu dengan menumpukan perhatian pula ke atas golongan remaja.

Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 Remaja (CITF-A) yang dipengerusikan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali telah menyasarkan 60 peratus remaja berusia antara 12 dan 17

tahun mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19 pada November ini, dan 80 peratus mendapat dos lengkap sebelum sekolah dibuka pada sesi tahun hadapan.

Bukan sahaja golongan dewasa, vaksinasi ke atas remaja juga diperlukan bagi melindungi mereka daripada varian Delta yang boleh membawa jangkitan lebih teruk.

"Kita telah berjaya mencapai sasaran vaksinasi terhadap golongan dewasa, namun bagi golongan remaja, ia baru langkah permulaan.

"Pelaksanaan PICK Remaja semestinya penting sebagai perediaan untuk pembukaan sekolah pada Oktober ini. Semua pihak sama ada pihak kerajaan mahupun ibu bapa perlu memastikan risiko jangkitan di sekolah dapat dikurangkan," jelas *SinChew Daily* lagi.

**Ong Boon Teck ialah Timbalan Pengarang Berita Sinar Harian*

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS / NATION

BATTLING PANDEMIC

'DELTA MAKES CUTTING AZ DOSING GAP NECESSARY'

6-week gap strikes a balance between getting maximum level of antibodies, optimal protection, says expert

THARANYA ARUMUGAM
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

SHORTENING the dosing interval for AstraZeneca vaccines anywhere from four to eight weeks after the first dose is preferred in an environment involving highly infectious variants such as Delta.

Epidemiologist Professor Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud of Universiti Malaya said the Pfizer-BioNTech and AstraZeneca vaccines had shown to work against the Delta variant after two doses, but a single dose did not offer optimal protection.

Therefore, he said, reducing the dosing interval to six weeks struck a balance between trying to get the maximum level of antibodies and making sure that there was optimal protection against the Delta variant.

"A reduction in dosing interval to six weeks is also the approach adopted in Australia, which is facing a Covid-19 wave fuelled largely by Delta.

